




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
12 Mac 2026



KESUMA teliti penjimatan termasuk kerja dari rumah

Langkah selaras amalan di negara lain dalam usaha kurangkan kos operasi kerajaan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan meneliti beberapa langkah penjimatan bagi mengurangkan penggunaan tenaga di pejabat kerajaan, termasuk memperluaskan amalan bekerja dari rumah (WFH) dalam kalangan penjawat awam.

Menterinya, Datuk Seri R Ramanan, berkata langkah itu selaras amalan di negara lain dalam usaha mengurangkan kos operasi kerajaan.

Beliau berkata, KESUMA turut menyokong keputusan kerajaan tidak menganjurkan majlis rumah terbuka Aidilfitri membatik Kementerian, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tahun ini sebagai persediaan menghadapi kemungkinan ketidaktentuan ekonomi susulan konflik di Asia Barat.

"Langkah ini juga bagi memastikan kerajaan menunjukkan contoh baik kepada rakyat dalam mengamalkan perbelanjaan secara berhemah," katanya pada sidang media di pejabatnya, semalam.



Ramanan berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, semalam.

Tak anjur majlis Aidilfitri
Semua kementerian, jabatan kerajaan, agensi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) tidak akan menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, dilaporkan berkata, langkah itu diambil sebagai usaha berjimat-cermat dan mengutamakan kesiapsiagaan negara berikutan konflik yang semakin meruncing di Asia Barat.

Ramanan berkata, adalah tidak adil sekiranya kerajaan meminta

rakyat berbelanja secara berhemah, tetapi tidak melakukan perkara sama.

"Kerajaan perlu memimpin melalui teladan dan KESUMA akan membincangkan langkah bagi menyokong usaha penjimatan ini," katanya.